

12 DEC 2000

Mahathir-Abang

ABANG PERDANA MENTERI MENINGGAL DUNIA

SUNGAI PETANI, 12 Dis (BERNAMA) -- Mahadi Mohamad, abang kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, meninggal dunia di rumahnya di Jalan Syed Osman Aidid di sini hari ini.

Menurut Roseniah Mashahor, bapa saudaranya Mahadi meninggal dunia setelah terjatuh di bilik air di rumah itu pada kira-kira pukul 9.30 pagi.

Allahyarham berumur 86 tahun.

Allahyarham meninggalkan seorang isteri, Hajah Kalsom Hamzah, 60, dan lima orang anak -- dua lelaki dan tiga perempuan.

Seorang daripada anak lelaki Allahyarham ialah Samad Mahadi, bekas Timbalan Ketua Pengarang Kumpulan Utusan.

Allahyarham akan dikebumikan di Tanah Perkuburan Masjid Penghulu Him di sini selepas solat Asar.

Menurut Roseniah, Allahyarham tidak mengalami sakit kecuali selsema dua tiga hari lepas.

Turut menziarahi Allahyarham ialah Dr Mahathir dan isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Adik beradik Dr Mahathir yang lain iaitu Rafeah, Habsah dan Mashahor turut hadir.

Dr Mahathir merupakan anak bongsu daripada lima beradik.

-- BERNAMA

MAN ZZ JM AKD